



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF KIK 2024 PERINGKAT UiTM

Kelestarian Kualiti melalui Transformasi Inovasi
Dewan Perdana, UiTM Cawangan Kedah

Anjuran Unit Pengurusan Kualiti UiTM Cawangan Kedah
Dengan Kerjasama Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)



اومها توتوي موليا



<https://kedah.uitm.edu.my/>



<https://www.facebook.com/RektorKdh/>



<https://www.facebook.com/UITMSPMerbok/>



UiTM Cawangan Kedah Channel



PENGENALAN

Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) dianjurkan bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf-staf yang terlibat dengan KIK untuk membuat pembentangan dan persembahan kumpulan mengenai projek yang dijalankan. Bagi tahun 2024, UiTM Cawangan Kedah telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi Konvensyen KIK Peringkat UiTM.

Peserta adalah di kalangan kumpulan-kumpulan KIK daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Penganjuran KIK pada tahun 2024 adalah merupakan penganjuran yang dibuat secara bersemuka. Tema konvensyen KIK UiTM tahun ini adalah **“Kelestarian Kualiti Transformasi Inovasi”**. Diharap projek inovasi dan kreativiti yang dihasilkan dari cetusan idea warga UiTM dapat menyumbang kepada kecemerlangan universiti melalui penambaan berterusan.

OBJEKTIF KONVENSYEN

KIK adalah untuk menambahbaik , serta meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja khususnya dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan melalui:

- Keupayaan mencipta cara bekerja baru atau menghasilkan inovasi
- Kebolehan menyelesaikan masalah atau membuat penambahbaikan kerja
- Semangat bekerja secara berpasukan
- Penyemaian dan penerapan nilai serta etika kerja positif
- Penglibatan dan peningkatan komitmen terhadap kerja
- Dorongan kerja yang tinggi
- Kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap diri sendiri , kumpulan , UiTM dan negara
- Penggalakan penghasilan idea yang inovatif dan kreatif
- Pewujudan hubungan yang harmoni di antara pihak pengurusan dan pekerja abadi

Kelestarian Kualiti melalui Transformasi Inovasi



LOGO

Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK)

Logo ini mendukung prinsip bahawa KIK merupakan salah satu mekanisme pengurusan yang penting bagi menyemarakkan penambahan nilai (value creation) untuk menjana kegemilangan UiTM.

BENTUK LOGO

Logo yang dinamik direka bentuk dengan gabungan huruf KIK yang menyerlahkan watak kakitangan universiti.

WARNA

- Penggunaan warna kuning, biru dan ungu yang menjunjung dan menjulang kegemilangan melalui penghayatan dan amalan 5E, iaitu Efficient, Effective, Ethic, Economic dan Esprit de Corps.

Pelancaran logo oleh Penolong Naib Canselor InQKA mewakili Naib Canselor pada 29 Ogos 2007. Logo dicipta oleh Encik Mohd Ridzuan Atan, Pembantu Penerbitan, PTAR.

ISI KANDUNGAN

UCAPAN PNC INQKA

UCAPAN REKTOR

UCAPAN KETUA UNIT PENGURUSAN KUALITI

SENARAI JURI JEMPUTAN & DALAMAN INQKA

MAKLUMAT KUMPULAN

MAKLUMAT KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF 2024

JAWATANKUASA PENGANJUR





PROFESSOR DR. AZIZAH ABDULLAH

Penolong Naib Canselor
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) UiTM

UCAPAN PNC INQKA

Serantai Kata Serulas Bicara

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam UiTM Di Hatiku,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada hari yang penuh bermakna di Kampus Permata Lembah Bujang, sempena **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UiTM Tahun 2024**, bertemakan "**Kelestarian Kualiti Melalui Transformasi Inovasi.**"

Saya amat berbesar hati dan gembira melihat komitmen serta kesungguhan para peserta dari seluruh UiTM dalam menghasilkan idea-idea kreatif dan inovatif yang mampu memberi impak positif kepada Institusi dan masyarakat. Kehadiran peserta daripada pelbagai kampus **UiTM** menunjukkan kesatuan semangat yang kukuh dalam mencapai misi kelestarian kualiti ini.

Tema konvensyen kali ini menekankan betapa pentingnya **kelestarian** sebagai tunjang utama dalam memastikan sistem dan proses kita terus relevan dan mampan. **Kualiti** adalah elemen yang menjamin kecemerlangan, manakala **transformasi** dan **inovasi** merupakan pemacu kepada kemajuan berterusan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Objektif utama konvensyen ini adalah untuk menyediakan platform kepada kumpulan KIK mempamerkan hasil kerja, mengiktiraf usaha dan dedikasi para staf yang terlibat, serta mencipta ruang bagi perkongsian idea-idea kreatif dan inovatif yang mampu meningkatkan penambahbaikan proses secara berterusan. Kita juga berharap konvensyen ini akan memberi inspirasi kepada lebih ramai staf UiTM untuk melibatkan dalam projek-projek KIK, sekaligus memastikan proses, produk, atau perkhidmatan yang dihasilkan memenuhi standard pengurusan, tanpa menjejaskan sumber, kesejahteraan, atau ekosistem institusi.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan, jawatankuasa penganjur, serta semua yang terlibat dalam menjayakan konvensyen ini. Semoga usaha gigih kita semua diberkati dan mendapat rahmat daripada Allah SWT.

Wabillahaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.



PROFESSOR DR. ROSHIMA HAJI SAID

Menjalankan Fungsi Rektor
UiTM Cawangan Kedah

UCAPAN REKTOR

Sekapur Sirih

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Dengan penuh kesyukuran, kita berhimpun pada hari ini untuk meraikan kejayaan Konvensyen KIK UiTM tahun ini. Acara ini membuktikan semangat inovasi yang kian membara dalam kalangan warga UiTM.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa penganjur yang telah bekerja keras untuk menjayakan konvensyen ini. Dedikasi anda benar benar dipuji.

Kepada para finalis, pencapaian anda sungguh meginspirasi. Inovasi-inovasi yang dipamerkan mencerminkan pemikiran kritis dan kreativiti yang tinggi. Jelaslah bahawa masa depan inovasi di UiTM adalah cerah. Konvensyen ini bukan sekadar acara tahunan, namun ianya juga merupakan batu asas dalam perjalanan kita untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia. Melalui inisiatif seperti KIK, kita bukan sahaja memupuk budaya inovasi tetapi juga melengkapkan graduan kita dengan kemahiran dan minda untuk berjaya dalam dunia yang sentiasa berubah.

Marilah kita bekerjasama untuk memastikan inovasi kita bukan sahaja memberi manfaat kepada universiti kita tetapi juga menyumbang kepada masyarakat yang lebih mampan dan makmur.

Kesimpulannya, saya ingin mengulangi ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam acara ini. Komitmenan da terhadap inovasi merupakan sumber kebanggaan bagi UiTM. Marilah kita terus menginspirasi dan memperkasa generasi innovator akan datang.

Terima kasih.



DR. AFIDA AHMAD

Ketua Unit Pengurusan Kualiti
UiTM Cawangan Kedah

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjuran KIK
Peringkat UiTM 2024

UCAPAN PENERUSI KIK

Setitis Tinta

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Syukur alhamdulillah, dengan izin-Nya, Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Teknologi MARA (UiTM) dapat direalisasikan pada tahun ini. Konvensyen ini adalah manifestasi komitmen UiTM dalam memupuk budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga universiti, sekaligus memperkukuh daya saing dan ketahanan institusi dalam era yang penuh cabaran ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran perjalanan konvensyen ini. Kerja keras dan dedikasi mereka dalam merancang dan melaksanakan setiap aspek acara ini, dari peringkat awal hingga ke hari kemuncak, amatlah dihargai. Tanpa usaha gigih mereka, acara berprestij ini tidak mungkin dapat direalisasikan.

Tahniah juga diucapkan kepada 20 kumpulan finalis yang berjaya melangkah ke peringkat akhir. Konvensyen ini disertai oleh wakil-wakil KIK yang terdiri daripada: 11 wakil dari UiTM Kampus Cawangan (Perak, Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Pahang, Kelantan dan Selangor), 5 wakil dari pelbagai Fakulti (terdiri daripada Fakulti Perlindungan & Agroteknologi, Fakulti Pergigian, Fakulti Farmasi dan Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan), 2 wakil dari Hospital Al-Sultan Abdullah, 1 wakil dari Kolej Pengajian Kejuruteraan, dan 1 wakil Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur. Pencapaian anda adalah satu tanda aras yang mencerminkan semangat berinovasi dan daya usaha yang tinggi.

Semoga konvensyen ini bukan sahaja menjadi landasan untuk meraikan pencapaian, tetapi juga ruang untuk kita terus melakar masa depan yang lebih cemerlang dalam bidang inovasi dan kreativiti.

Sekian, terima kasih.

KATEGORI HADIAH

JOHAN KIK

NAIB JOHAN KIK

KETIGA KIK

ANUGERAH KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF BERPOTENSI

ANUGERAH KUMPULAN ISTIQAMAH

ANUGERAH DI ATAS AKAN DIBERIKAN KETIKA HARI KEMUNCAK HIK PERINGKAT UiTM 2024

Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi Sosial

Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi Sosial (Kategori Penciptaan)

Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi Sosial (Kategori Penambahbaikan)

Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi Pengurusan

Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi Pengurusan (Kategori Penciptaan)

Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi Pengurusan (Kategori Penambahbaikan)

Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi P&P

Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi P&P (Kategori Penciptaan)

Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi P&P (Kategori Penambahbaikan)

Anugerah Penjimatan Kos Sebenar Terbaik

Anugerah Penjana Pendapatan Sebenar Terbaik

Anugerah Dokumentasi Terbaik

Anugerah Persembahan Terbaik

Anugerah Fasilitator Terbaik

Anugerah Pembentang Terbaik (Lelaki)

Anugerah Pembentang Terbaik (Wanita)

Penarafan (Emas, Perak dan Gangsa)

JURI JEMPUTAN



EN. FIRDAUS BIN MOHAMED SAHID
Pensyarah Utama (PPPT) DH52
Politeknik Seberang Perai
firdaussahid@psp.edu.my



PN. HASNITA BINTI MOHD HASHIM
Pegawai Tadbir
Majlis Perbandaran Kulim
hasnita@mpkk.gov.my



TS. NORHAFIZAH BINTI OSMAN
Pegawai Teknologi Maklumat
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
fizahosman@moh.gov.my

JURI DALAMAN



IR. TS. MOHAMED SYAZWAN BIN OSMAN
Pensyarah Kanan
UiTM Cawangan Pulau Pinang
syazwan.osman@uitm.edu.my



USTAZ HUSAINI AB. RAZAK
Penolong Pendaftar Kanan
(Hal Ehwal Islam)
UiTM Cawangan Kelantan
husaini@uitm.edu.my

FINALIS KONVENSYEN KIK PERINGKAT UTM 2024





FINALIS KONVENSYEN KIK PERINGKAT UiTM 2024

MIM

UiTM CAWANGAN PAHANG

INSIGHT

UiTM CAWANGAN KELANTAN

EVOPLANTECH

FAKULTI PERLADANGAN & AGROTEKNOLOGI

C-LITE

UiTM CAWANGAN MELAKA

IDEALISTIK

UiTM CAWANGAN JOHOR

CIVGU MURNI

UiTM CAWANGAN JOHOR

PERSADA HEP

UiTM CAWANGAN JOHOR

INVICTUS

HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH

PATHO-HEROES

HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH

SETARING

FAKULTI PERGIGIAN

DIGITAL FUSION

UiTM CAWANGAN SELANGOR

TECHSYNERGY

KOLEJ PENGAJIAN KEJURUTERAAN

HOTCAT WIZARD

FAKULTI PENGURUSAN HOTEL & PELANCONGAN

D GREATEST

FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN

INFOFAST

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

ILHAM

UiTM CAWANGAN KEDAH

BFIT

UiTM CAWANGAN KEDAH

INFOKRAT

UiTM CAWANGAN PERAK

ELEVATE

FAKULTI FARMASI

TELSTAR

PEJABAT PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR

MAKLUMAT KUMPULAN



MIM UiTM Pahang

KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	UiTM CAWANGAN PAHANG
TAJUK PROJEK	MENAMBAHBAIK PROSES PENDAFTARAN RAKAN SEBILIK
FASILITATOR	MUHAMMAD FAIZAL ABD KARIM
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENAMBAHBAIKAN)
AHLI KUMPULAN	1. DR. SITI AISHAH MOHAMAD (KETUA) 2. EILY AZER 3. Ts. MOHD NORAFIZAL ABD AZIZ 4. MOHD AZIM ZAINAL 5. MAT HUZAINI ABDUL TALIB 6. MOHAMAD FADILAH ABDUL HALIM

RINGKASAN PROJEK

Sistem pendaftaran rakan sebilik secara atas talian atau e-Housemate merupakan gabungan cetusan idea ahli kumpulan MIM UiTM Pahang. E-Housemate merupakan satu sistem yang dibangunkan bertujuan untuk membuat penambahbaikan di dalam sistem pendaftaran kolej iaitu e-ReRS di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang (UCPh).


Sistem e-ReRS telah mendigitalkan proses pendaftaran kolej dan pengambilan kunci bilik. Manakala pendaftaran rakan sebilik perlu dibuat secara manual iaitu menggunakan borang. Penambahbaikan yang dibuat dengan membangunkan e-Housemate berupaya memudahkan proses permohonan rakan sebilik supaya lebih cepat, mudah dan efisien bukan sahaja kepada pihak pelajar malahan kepada staf di Unit Pengurusan Kolej (UPK).

Peluang memilih rakan sebilik dilihat sedikit sebanyak membantu pelajar supaya dapat menentukan sendiri rakan yang sesuai untuk mengelakkan stress seterusnya menyumbang kepada penurunan masalah kesihatan mental.

Melalui aduan pelajar yang memaklumkan masalah berkenaan penggunaan borang secara manual telah mencetuskan idea kepada ahli MIM UiTM Pahang untuk membantu menyelesaikan masalah pelajar untuk mendaftar rakan sebilik melalui kaedah Design Thinking.

Hasil penambahbaikan ini memberi outcome positif seperti penjimatan kos, tenaga manusia, masa dan peningkatan kepuasan hati pelanggan. Selain itu, ia juga turut memberi impak kepada fungsi jabatan, pelanggan, pemegang taruh, keadaan dan ekosistem semasa selari dengan Perancangan Strategik UiTM 2025 dan dasar negara seperti Dasar Malaysia MADANI dan Dasar Revolusi Perindustrian Negara (IR) 4.0.

Projek e-Housemate berpotensi direplikasi serta dikembangkan bukan sahaja di Universiti Awam dan Swasta malahan ke organisasi yang lain.



MAKLUMAT KUMPULAN

INSIGHT

KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	UITM CAWANGAN KELANTAN KAMPUS KOTA BHARU
TAJUK PROJEK	PROSES MENGELUARKAN SIJIL ANUGERAH DEKAN MENGAMBIL MASA YANG LAMA - (e-SIDeK)
FASILITATOR	IMRAN BIN MOHAMED@ISMAIL
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)
AHLI KUMPULAN	1. ZUSTAMAN BIN AWANG SOH (KETUA) 2. AHMAD FAISAL BIN OTHMAN 3. MOHD SAIFULLAH BIN AB SAMAD 4. ROHIZAM BINTI RASHIDI 5. NOOR INTAN NAJIHAH BINTI KAMARUZZAMAN



RINGKASAN PROJEK

Proses pengeluaran Sijil Anugerah Dekan secara bercetak melalui beberapa fasa memakan masa yang lama. Pengeluaran sijil berpusat dari UiTM Shah Alam menimbulkan beberapa masalah seperti lambakan sijil tidak dituntut dan juga terdapat kesalahan ejaan pada sijil.



MAKLUMAT KUMPULAN



EvoPlanTech

KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI
TAJUK PROJEK	INTELLIGENT SEED HUB
FASILITATOR	JULIANA KARIM
KATEGORI	INOVASI P&P (KATEGORI PENAMBAHBAIKAN)
AHLI KUMPULAN	1.SITI MASLIZAH ABDUL RAHMAN (KETUA) 2.SHAMPAZURAINI SAMSURI 3.NOER HARTINI DOLHAJI 4.WAN NORANIDA WAN MOHD NOOR 5.NUR ATIQA ZAHARULLIL 6.SITI MARIAM SAMSI 7.HAMDAN SULAIMAN 8.NORAZLIN BAHARUDIN 9.ANNUARZAMANI CHE YOUNG 10.MUHAMAD NAZWAN KUDORI



RINGKASAN PROJEK

EvoPlanTech telah mengambil inisiatif bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan memperkenalkan rak percambahan biji benih yang dilengkapi dengan elemen teknologi internet pelbagai benda (IoT). Inovasi ini dapat meningkatkan peratusan (%) percambahan biji benih dan memendekkan masa keseragaman percambahan biji benih. Tindakan penyelesaian telah dilaksanakan dengan kaedah *Design Thinking 101* yang merangkumi (6) proses utama iaitu 1) *Emphasize* 2) *Define* 3) *Ideate* 4) *Prototype* 5) *Test* and 6) *Implement*. Penilaian Gelagat Pengguna menggunakan teknik 5W 1H, telah dijalankan bagi mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi dan teknik SCAMPER dan *House of Quality* digunakan bagi menjana idea kreatif untuk menyelesaikan masalah yang diperolehi. Prototaip inovasi ini telah berjaya dibangunkan dan telah berjaya menjalani 4 proses ujilari. Keputusan ujilari menunjukkan bahawa ISH mampu untuk meningkatkan peratusan percambahan dan telah berjaya memendekkan tempoh percambahan biji benih.



MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA
TAJUK PROJEK	PR SMART TABLE
FASILITATOR	AHMAD NAZRI BIN JAAFAR
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)
AHLI KUMPULAN	1. ILYA NUR FATEEN BINTI OTHMAN (KETUA) 2. NOR ROSZAIMI BINTI YAALAM 3. JONIZAM BIN ABU KASIM 4. ABDUL AZIM BIN AB. GHANI 5. MOHD AZALI BIN TALIB 6. MOHAMMED ZAHARI BIN ZUBIR 7. MUHAMAD ASRI BIN ABU HASHIM 8. MUHAMMAD IZWAN BIN IBRAHIM



RINGKASAN PROJEK

Pelaksanaan projek ini adalah berdasarkan permasalahan yang berlaku di Unit Arkib, PTAR UiTM Cawangan Melaka yang merupakan sebuah organisasi yang penting dalam menyimpan dan memelihara rekod universiti yang bernilai arkib. Salah satu tugas utama di Unit Arkib adalah proses pengenyahan bendasing yang merupakan suatu proses bagi memastikan rekod dapat dikekalkan dengan baik dan dilindungi daripada kerosakan fizikal. Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keselamatan proses pengenyahan bendasing, kumpulan telah mengenal pasti perlunya sebuah meja khas yang memudahkan proses kerja ini. Meja ini tidak hanya menyokong aktiviti pengenyahan bendasing secara berkesan tetapi juga mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan staf yang terlibat. Misi projek ini adalah untuk meningkatkan prestasi kerja dan kualiti perkhidmatan staf bagi mengekalkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat. Manakala visi projek ini adalah untuk meningkatkan ketampakan perkhidmatan Arkib Universiti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan bahan di peringkat kebangsaan dan global. Sasaran daripada projek PR Smart Table ini dapat meningkatkan tahap keselamatan semasa menjalankan proses pengenyahan bendasing bahan arkib dan mengurangkan risiko kerosakan fizikal bahan. Selain itu, projek ini juga dapat mengurangkan cuti sakit staf yang menjalankan kerja pengenyahan bendasing bahan arkib. Disamping itu, projek ini juga dapat meningkatkan jumlah produktiviti kerja pengenyahan bendasing bahan arkib.



MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS PASIR GUDANG
TAJUK PROJEK	ELECTRONIC CLEARANCE MANAGEMENT SYSTEM (eCMS)
FASILITATOR	MOHD HISYAMMUDDIN SALLEH NORDIN
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)
AHLI KUMPULAN	1. IDRIS MUHAMMAD (KETUA) 2. ZURAEDA MUSLIM 3. MOHD FERDAUS JAMIN 4. MOHD SHARIR MOHD SHAINI 5. MOHAMED ASRULAZLAN MOHAMAD HASHIM 6. HAJI MOHD DANIAL DAUD 7. AREEDA SHAHADAN




RINGKASAN PROJEK

Proses pengesahan status pelepasan tamat belajar atau *clearance* adalah satu proses yang perlu dilaksanakan oleh setiap pelajar sebelum menghadiri istiadat konvokesyen. Proses ini memerlukan pelajar hadir ke kampus secara fizikal untuk mengisi borang dan mendapatkan pengesahan daripada enam (6) bahagian dan unit iaitu Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar, Perpustakaan, Unit Kokurikulum, Pejabat Bendahari, Fakulti dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA). Proses pengesahan bertujuan untuk memastikan pelajar bebas daripada sebarang denda dan saman yang dilakukan sepanjang tempoh pengajian. Seterusnya, pelajar perlu menyerahkan semula borang tersebut ke pejabat BHEA sebagai rekod rasmi. Oleh kerana kaedah sedia ada mengambil masa yang agak panjang dan membebankan para pelajar kerana terpaksa menanggung pelbagai kos kembali ke kampus semata-mata hanya untuk menguruskan pengesahan ini sahaja, ramai di antara mereka yang mengambil jalan mudah dengan tidak melaksanakan proses ini. Electronic Clearance Management System (eCMS) merupakan satu platform digital yang dibangunkan oleh UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang bagi memudahkan urusan pengesahan status pelepasan tamat belajar melalui semakan dan pengesahan rekod denda dan saman secara dalam talian tanpa pelajar perlu hadir ke kampus. eCMS juga dapat menyumbang kepada keberhasilan terhadap penjimatan masa, kos dan tenaga sekaligus meningkatkan kepuasan hati pelanggan. Selain itu, eCMS juga membantu pihak BHEA menguruskan data pelajar yang tamat pengajian dan akan menghadiri konvokesyen dengan lebih sistematik dan efisien. Penjanaan statistik dan pelaporan bagi perancangan dan proses membuat keputusan berkaitan juga lebih dibuat dengan lebih mudah. Ciptaan inovasi ini sangat berpotensi untuk dikembangkan ke UiTM cawangan lain dan IPTA / IPTS yang terlibat dengan proses pengesahan status pelepasan tamat belajar (*clearance*).



MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	UiTM KAMPUS PASIR GUDANG/PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM
TAJUK PROJEK	KOTAK PENILAIAN PSIKOMOTOR
FASILITATOR	MOHAMMAD HAZIZI BIN JAMAL
KATEGORI	INOVASI P & P (KATEGORI PENAMBAHBAIKAN)
AHLI KUMPULAN	1. MUHAMMAD FARID BIN MUHAMMAD FATHULLAH (KETUA) 2. TS. DR. MOHD AMRAN BIN HASBULLAH 3. DR. MOHAMAD ROHAIDZAT BIN MOHAMED RASHID 4. DR. MOHD FAIRUZ BIN BACHOK 5. NAZRI BIN NASIR 6. HERDA BALQIS BINTI ISMAIL 7. ASMAWATI BINTI CHE HASAN 8. TS. MOHD ZULKHAIRI BIN MAT SALLEH 9. HAIROL ANUAR BIN HARON



RINGKASAN PROJEK

Penilaian dan pendapat penyelia industri terhadap pelajar semasa menjalani latihan industri menunjukkan terhadap kelemahan penguasaan kemahiran psikomotor. Ini bercanggah dengan pencapaian pelajar yang baik dalam kursus-kursus domain psikomotor menunjukkan berlakunya ketidaksepadanan antara graduan universiti dengan kehendak industri. Punca utama adalah penilaian pencapaian psikomotor yang tidak sistematik yang dapat menggambarkan pencapaian sebenar menyebabkan tiada program intervensi untuk memperbaiki kelemahan diadakan.



MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	UiTM CAWANGAN JOHORKAMPUS SEGAMAT
TAJUK PROJEK	SISTEM PERMOHONAN AKTIVITI PELAJAR (SPAP)
FASILITATOR	SITI NOR HADIJAH MD SUPAAT
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)
AHLI KUMPULAN	1. NORHISHAM AMBI (KETUA) 2. ZAHIDA HASHIM 3. SUZANAH AB. RAHIP 4. RAFIDAH AZLIN MD ARIP 5. SITI AIDAH HASSAN 6. NUR SHAHIRA OTHMAN 7. JUHAIRE JEMAIN 8. SAIFUL SAHMI SABRAN



RINGKASAN PROJEK

Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Johor sangat komited untuk memastikan pengurusan aktiviti persatuan/kelab pelajar diurus dengan baik dan cekap serta memastikan sumber digunakan secara optimum bagi menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang. Walau bagaimanapun terdapat kelemahan di dalam proses kelulusan aktiviti pelajar yang dibuat secara manual di mana semakan oleh HEP dan kelulusan oleh Timbalan Rektor HEP hanya boleh dibuat pada waktu pejabat sahaja. Tempoh kelulusan akan menjadi lebih lama sekiranya pegawai HEP atau Timbalan Rektor HEP bertugas di luar pejabat atau bercuti. Amalan permohonan menjalankan aktiviti pelajar sebelum ini adalah menggunakan borang yang dicetak. Ianya dilihat dapat ditambah baik bagi memudahkan urusan pelanggan, menjimatkan kos serta meningkatkan kualiti perkhidmatan HEP kepada pelanggan. Membangunkan Sistem Permohonan Aktiviti Pelajar (SPAP) merupakan inisiatif kreatif HEP untuk menyelesaikan masalah pengurusan permohonan aktiviti pelajar. Melalui Sistem Permohonan Aktiviti Pelajar (SPAP) ianya dapat mempercepatkan 70% proses pengurusan masa, menjimatkan 50% kos operasi dan memendekkan proses kerja. Impak hasil dari sistem ini dapat mengawal perbelanjaan operasi kerja di dalam UiTM secara berhemah dan merangsang perkembangan penggunaan sistem dalam talian di masa hadapan. Dengan sedikit penambahbaikan, projek ini boleh dikembangkan penggunaannya ke seluruh kampus UiTM.



MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGHAJIAN	HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UTM PUNCAK ALAM
TAJUK PROJEK	PENAMBAHBAIKAN SUMBER CAHAYA BAGI MEMPERCEPATKAN PROSES PEMBACAAN KULTUR MEDIA DI UNIT MIKROBIOLOGI PERUBATAN & PARASITOLOGI
FASILITATOR	NUR FATIMAH IBRAHIM NGAJIMI
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENAMBAHBAIKAN)
AHLI KUMPULAN	1. ABU THALHAH BIN HAJI ABDUL AZIZ (KETUA) 2. DR. FARAH ROSLINDA MOHD RUSTAM 3. NOR ZILAWATI MOHAMED ISA 4. NOOR AINI ABU BAKAR 5. NUR AYUNNI ARIFIN 6. CHAIRUL SOPIAN 7. RAFI MD ESA 8. NURUL AZWANI ABU BAKAR 9. SITI ROZIANA ROMALI 10. NURUL SYUHADAH MOHD SAHAR



RINGKASAN PROJEK

Penciptaan i-Mag merupakan idea ahli Kumpulan INVICTUS untuk menambahbaik sistem pencahayaan bagi proses pembacaan kultur media di Unit Mikrobiologi Perubatan & Parasitologi (MMP). Kumpulan ini merupakan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dari Hospital Al-Sultan Abdullah UTM dan menggunakan teknik PDCA. Unit MMP bertanggungjawab melakukan proses pengkulturan sampel bagi ujian Mikrobiologi. Purata 250 proses kultur dilakukan setiap hari. Kemudian, proses pembacaan kultur media akan dilakukan oleh Juruteknologi Makmal Perubatan yang bertugas. Semasa proses pembacaan kultur media, pencahayaan yang baik penting bagi mengenalpasti bakteria. Berdasarkan Garis Panduan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan untuk pencahayaan di Tempat Kerja, jumlah cahaya yang diperlukan sekurang-kurangnya 1000 Luks. Ukuran keamatan cahaya di ruang kerja di Unit MMP adalah 515 Luks. Untuk menyelesaikan masalah, lampu i-Mag dicipta dan cahaya telah meningkat kepada 3910 Luks. Dengan pencahayaan yang baik, masa yang diambil menjadi lebih singkat iaitu dari 5 minit menjadi 2 minit per kultur media. Selain itu, bentuk pentas yang dihasilkan pada lampu mudah alih i-Mag memudahkan staf memasukkan deskripsi bacaan kultur media di dalam Laboratory Information System. Secara keseluruhannya, inovasi i-Mag mampu mempercepat dan meningkatkan mutu kerja dalam kalangan staf. Inovasi ini memberi impak keputusan ujian yang lebih tepat dan berkualiti. Seterusnya pesakit akan mendapat rawatan yang berkesan.

MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH (HASA) UiTM
TAJUK PROJEK	'CATCH-IT' – ALAT PENAPIS DARAH BEKU
FASILITATOR	MOHD ADIFFER OTHMAN
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)
AHLI KUMPULAN	1. NURUL HANINI MOHD (KETUA) 2. MASTURA MA'AD 3. NURUL IZA ISMAIL 4. MUHAMAD IDHAM MOHAMED 5. MOHAMMAD SHAFIQ ZAHARI 6. KHAIRIL IDZWAN JAMALUDIN 7. MUHAMMAD FAKHRI SALLEHUDDIN



RINGKASAN PROJEK

Makmal perubatan memainkan peranan penting dalam diagnosis penyakit melalui ujian ke atas sampel pesakit. Walau bagaimanapun, kehadiran darah beku dalam sampel boleh menjejaskan ketepatan keputusan ujian makmal. Pengesanan darah beku dilakukan dengan kaedah konvensional secara membuka penutup tiub darah dan menggunakan lidi atau kayu aplikator, yang boleh menyebabkan beberapa masalah seperti risiko pendedahan kepada kakitangan makmal, penurunan ketepatan ujian, dan masa pemprosesan (TAT) yang lebih panjang.

Kumpulan Patho-Heroes telah membuat satu inovasi dengan menggunakan teknologi cetakan 3D di mana ahli kami telah mengikuti bengkel bersama Dr Azma selaku Pengasas MAKERLAB UiTM. Sehubungan itu, kami telah menghasilkan prototaip alat penapis darah beku dengan ujilari sebanyak 3 kali.

Projek inovasi alat "Catch-It" ini bertujuan memperkenalkan alat penapis darah beku dalam sistem tertutup yang lebih selamat, dengan purata masa pemprosesan spesimen dikurangkan dari 6 minit kepada 2 minit, serta meningkatkan ketepatan ujian. Signifikan projek ini adalah untuk memendekkan TAT, memperbaiki pengurusan ujian darah, dan meningkatkan kecekapan proses rawatan pesakit, seiring dengan visi hospital dan objektif jabatan, serta agenda nasional seperti RMK12 dan Kertas Putih Kesihatan Malaysia. Kesan positif projek ini termasuk imej jabatan yang lebih baik, pemangkin pembudayaan kualiti, serta menyokong matlamat negara dalam menyediakan penjagaan kesihatan yang lebih cekap dan selamat.



MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	FAKULTI PERGIGIAN UTM SUNGAI BULOH
TAJUK PROJEK	PediDent Charting System (PDCS)
FASILITATOR	NORASHIKIN SALLEH
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)

AHLI KUMPULAN

1. DR AHMAD SULEIMAN BIN SALEHUDDIN (KETUA)
2. DR ABDUL RAHMAN BIN AHMAD RIDZUAN
3. AHMAD AZIZ FARHAN BIN ROSLI
4. DR MOHAMMED GH ABDALI
5. DR NOR HIDAYAH BINTI REDUWAN
6. MUHAMAD HARIZMAN BIN MOHD JUMARI
7. REDZWAN BIN HASNI
8. NAZIFAS BINTI MOHD HUSSEIN
9. NUR SABRINA BINTI SHA'ARI
10. NUR ZUKRINA AFIQAH BINTI ZULKIFLE



SeTaring

RINGKASAN PROJEK

PediDent Charting System (PDCS) atau Sistem Pencartaan Gigi - Kawalan Kaki merupakan satu kaedah alternatif untuk mempermudah prosedur merekod keadaan pergigian 'dental charting' disamping menambahbaik kawalan jangkitan silang.

Tajuk (PDCS) projek seTaring ini adalah; 'solusi alternatif bagi prosedur 'dental charting' yang efektif'. Ia merupakan sebuah inovasi penciptaan bercirikan alat peranti kawalan kaki yang bebas wayar dan disertakan dengan aplikasi komputer untuk kegunaan klinik-klinik pergigian. Prototaip ini juga telah diperakukan oleh Jurutera Bertauliah dan Pakar Teknologi Maklumat untuk mendapat kelulusan penggunaan dan telah didaftarkan di MyIPO bagi kepentingan harta intelek KIK seTaring.

PDCS adalah inovasi bidang pengurusan dalam kategori penciptaan yang lengkap dan telah melalui proses uji cuba serta dilaksanakan sebagai proses kerja yang diperbaharui dengan cekap dan berkesan. Sistem ini digunakan secara (plug & play) pada semua ruang rawatan pergigian berkomputer tanpa sebarang kos pengubahsuaian. PDCS mempunyai potensi pengembangan dan pengkomersialan yang tinggi dalam skop inovasi prosedur pergigian, baik di Malaysia mahupun di arena global.

MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH, UiTM CAWANGAN SELANGOR
TAJUK PROJEK	PENGURUSAN PERKAKASAN ICT YANG SISTEMATIK DAN CEKAP
FASILITATOR	ZAMANI UMAR HUSIN
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)

AHLI KUMPULAN

1. AISHAH MOHAMED IDRIS (KETUA)
2. KHAIRUNNISA OMAR
3. MARLINAH SAMSUDIN
4. HAIRULNIZAM GHAZALI
5. NURA MOHD TALHA
6. MUHAMMAD IZZUDDIN RAZMI
7. WAN SITI NORAIN WAN ABDUL LATIF
8. NOR SHAREENA IBRAHIM
9. NORHIDAYAT KAMARUDIN
10. DZIKRI ASMAWI



RINGKASAN PROJEK

UIIMS atau **UCS ICT Inventory Management System** merupakan sebuah inovasi oleh Kumpulan Digital Fusion bagi menyelesaikan masalah berkaitan penjejakkan lokasi dan custodian terkini perkakasan ICT UiTM Cawangan Selangor yang melibatkan Kampus Puncak Alam, Kampus Sungai Buloh, Kampus Selayang dan Kampus Teluk Intan. Sistem ini dibangunkan oleh Bahagian Infrastruktur UiTM Kampus Sungai Buloh dengan kolaborasi dengan Bahagian Infosruktur UiTM Kampus Puncak Alam. **UIIMS** merupakan aplikasi dengan antara muka dan sistem navigasi yang mesra pengguna dan boleh diakses secara atas talian.

UIIMS dijangka mampu menjimatkan masa serta menyelesaikan masalah-masalah berbangkit berkaitan kehilangan komputer sewaan. Dengan penggunaan **UIIMS**, dapat menurunkan peratus Aduan ICT dengan pelaksanaan proses penyelenggaraan yang berkala. Staf tidak lagi perlu bekerja pada lebih masa, kerana masa proses pencarian komputer sewaan telah dapat dipendekkan dan kos kerja lebih masa dapat diijamatkan. Bahagian Infostrutur tidak lagi memerlukan rak dan ruang tambahan untuk penyimpanan dokumen-dokumen bagi senarai PC sewaan dan borang-borang penyelenggaraan secara fizikal. Selain itu, proses penjejakan peralatan ICT akan menjadi lebih mudah, pantas dan cekap. Sistem ini dapat menyediakan maklumat terkini mengenai PC sewaan dan penyelenggaraan serta dapat diakses secara pantas pada setiap masa oleh Ketua Jabatan.



MAKLUMAT KUMPULAN



NAMA PENYELARAS KIK	TS AMERAN BIN SAIMAN
KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	KOLEJ PENGAJIAN KEJURUTERAAN
TAJUK PROJEK	PEMUNGGAHAN DAN PEMINDAHAN PAPARAN POSTER DAN BARANGAN PROJEK YANG BERAT
FASILITATOR	TN HJ MOHD SHAHIR BIN ABD RAHMAN
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)
AHLI KUMPULAN	1. NURUL WAHIDA BINTI AZIZ (KETUA) 2. ZARINA AHMAD 3. TC WAN MOHD SAIFUL IDHAM BIN WAN HASSAN 4. ABDUL RAZAK BIN BANA 5. TC. MOHD NASRIQ AZHAR BIN AHMAD 6. FAZLIN SUHAINA BINTI MAMAT 7. MUHD HAFIDZ BIN TUAN KAMAUZAMAN 8. MOHD FARID BIN MOHD SAAD



RINGKASAN PROJEK

Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) di UiTM melibatkan empat bidang utama: kejuruteraan awam, mekanikal, elektrik, dan kimia, yang digabungkan sejak 2019. Setiap semester, pelbagai program seperti konferensi dan seminar diadakan, memerlukan sokongan teknikal untuk penyediaan logistik. Pemasangan poster dan prototaip projek pelajar memerlukan tenaga kerja yang besar, dengan kos dan masa operasi yang signifikan. Pada 2022, 30 pekerja diperlukan untuk memindahkan 100 unit poster secara manual dalam masa dua jam, dengan kos kira-kira rm750. staf teknikal sering menghadapi masalah kesihatan akibat kerja berat ini. Kumpulan KIK Techsynergy mencipta troli mudah alih "easy trolley" (et) untuk mengurangkan kos, masa, dan risiko kecederaan. Penggunaannya pada 2023 membolehkan 13 staf melengkapkan kerja dalam 45 minit dengan kos RM121.87, menjimatkan 83.75%.



MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN
TAJUK PROJEK	PROJEK PENDIGITALAN PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI INTERNPRO
FASILITATOR	TIADA
KATEGORI	INOVASI P & P (KATEGORI PENCIPTAAN)
AHLI KUMPULAN	1. NURFATIAH MAZLAN (KETUA) 2. PROF Madya DR AZDEL ABDUL AZIZ 3. DR MOHD NOOR ISMAWI ISMAIL 4. DR MOHD FAEZ SAIFUL BAKHTIAR 5. SABRINA TARMUDI



RINGKASAN PROJEK

Latihan industri (LI) merupakan syarat graduasi yang perlu dipenuhi pelajar di Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FHP). Pada semester keenam pengajian, pelajar akan ditempatkan di organisasi yang relevan dengan industri hospitaliti di bawah pengawasan pengurusan organisasi dan penyelar LI. Proses penempatan pelajar LI akan bermula pada semester kelima yang dilaksanakan oleh penyelar LI. Pada semester keenam, pelajar menjalani latihan praktikal selama enam belas (16) minggu di industri. Proses pemantauan pelajar LI diadakan pada pertengahan semester manakala proses penilaian pada akhir semester. Kepentingan kursus LI ini menunjukkan keperluan untuk mewujudkan satu sistem pangkalan data bersepadu dan sistematik bagi memastikan pengoperasian kursus LI yang efektif.

Justeru, kumpulan HotCat Wizards telah membangunkan projek pendigitalan pengurusan latihan industri. InternPRO telah diwujudkan bagi memudahkan pengurusan penempatan, pemantauan, penilaian pelajar, dan penyaluran informasi kepada pemegang taruh. Bertepatan dengan arus teknologi dan transformasi digital dalam pengurusan maklumat, internPRO dapat membantu pelaksanaan latihan industri yang efektif kepada fakulti, pelajar dan pemain industri. Keberhasilan projek ini dapat membantu pelajar untuk memaksimumkan pembelajaran dan pengalaman di industri, memastikan kursus latihan industri dijalankan secara lancar dan pengukuhan hubungan fakulti dan pemain industri.



MAKLUMAT KUMPULAN



D'GREATEST

KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UiTM CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS PUNCAK ALAM

TAJUK PROJEK PRO SERVICING SYSTEM

FASILITATOR UMAIRA OTHMAN KOYA

KATEGORI INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)

AHLI KUMPULAN

1. SAZWAN SHAMSUDDIN (KETUA)
2. JULIANA NOOR KAMARUDDIN
3. DR. MURNI ZARINA MOHAMED RAZALI
4. DR. NUR ATIQA ROCHIN DEMONG
5. NOOR FARADILLA WAN OTHMAN
6. NOR AIN AWANG
7. NORJULIATIE BINTI KAMARUDIN
8. MOHD AZAM BAHARUDIN



RINGKASAN PROJEK

Pro Servicing System dibangunkan bagi mengatasi ketidakcekapan proses permohonan pensyarah servicing sedia ada yang mana ia menggunakan platform dan format yang pelbagai. Setelah melalui beberapa fasa penambahbaikan, pemerhatian dan penilaian secara terperinci didapati terdapat keperluan yang mendesak untuk mewujudkan hanya satu platform bukan sahaja tempat pengumpulan permohonan pensyarah servicing daripada fakulti luar tetapi juga menjadi one stop center proses yang berkaitan dengan permohonan tersebut.

Sistem ini diwujudkan bagi meningkatkan kecekapan proses permohonan pensyarah servicing yang merangkumi ciri-ciri seperti mengumpul maklumat permohonan, menyisih maklumat mengikut kod kursus, fakulti dan kampus, mengira bilangan pensyarah secara automasi, maklumbalas dan keputusan kepada pemohon secara terus dan menganalisa data mengikut trend setiap semester. Sistem yang diwujudkan ini dijangkakan dapat menjimatkan masa memproses permohonan pensyarah servicing hampir 80%.



MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
TAJUK PROJEK	REPOSPHERE
FASILITATOR	TIADA
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)
AHLI KUMPULAN	1. JAMILAH BINTI MD YUSOFF (KETUA) 2. PROF MADYA DR MASITAH BINTI AHMAD 3. NOOR FARALIZA BINTI SAMSUDIN 4. NORHIDAYU BINTI MD YATIM 5. MOHD HAFIZ BIN KASIRUN 6. SYAIFUL HISYAM BIN SALEH 7. MUHAMMAD SHAFIQ BIN AMIRULLAH 8. HALIMAH BINTI MOHAMAD ZAHARI 9. SAFIZAN BIN SAPIAN



RINGKASAN PROJEK

Sistem REPOSPHERE adalah satu sistem cetusan idea berinovasi usaha sama ahli kumpulan INFOFAST yang dibangunkan untuk memudahkan pengurusan Harta Intelek Universiti diperingkat pengumpulan dan penerimaan bahan kepada pihak perpustakaan.

Ianya selaras dengan keperluan KPI/PI Perpustakaan UiTM iaitu KPI 4: Bilangan Ketampakan Bahan Repositori Universiti dan PI7: Bilangan Muatnaik Bahan IR.

Sistem REPOSPHERE dilihat dapat membantu mempercepatkan proses pengurusan bahan Harta Intelek Universiti dalam mencapai sasaran yang diletakkan oleh pihak pengurusan. Ianya merupakan solusi kepada permasalahan mengumpul, menyunting, menyimpan dan mendigitalkan bahan-bahan.



MAKLUMAT KUMPULAN



RINGKASAN PROJEK

Pada 2014, Perpustakaan Sultan Badlishah telah menerima aduan pengguna perpustakaan yang menghidapi penyakit Retinitis Pigmentosa. Beliau menghadapi kesukaran untuk membuat rujukan bahan di perpustakaan serta menyiapkan tugas disebabkan tiada alat khas yang boleh digunakan untuk membantu beliau. Rentetan dari aduan beliau, PSB telah melakukan satu inisiatif dengan mencipta alat khusus yang kemudiannya, dinamakan sebagai eVIEW untuk membantu beliau membuat rujukan di perpustakaan.

eVIEW 1.0 pada mulanya hanya menumpukan kepada pengguna OKU low vision sahaja, namun pada tahun 2022, PSB melalui Kumpulan KIK Ilham telah membuat penambahbaikan sehingga terhasilnya eVIEW 2.0 bagi memenuhi keperluan kepelbagaian kelainan upaya pengguna PSB yang mengalami lumpuh separuh badan, separuh buta atau buta sepenuhnya membuat rujukan melalui teknologi text to speech, meja boleh laras, keupayaan pembesaran text secara digital atau secara optik. eVIEW 2.0 bukan sahaja memudahkan akses kepada sumber perpustakaan tetapi juga boleh berfungsi sebagai platform penyelidikan dalam mengembangkan potensi perkhidmatan yang boleh disediakan kepada kepelbagaian kelainan upaya.

Satu aspek eVIEW 2.0 yang paling mengagumkan adalah penjimatan kos dan mudah dilaksanakan. Dengan memanfaatkan aplikasi sumber terbuka (open source) dan alatan asas yang sedia ada, inovasi ini sejajar dengan agenda Penyertaan OKU: Tiada yang tertinggal dalam Agenda Pembangunan 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN

UiTM CAWANGAN KEDAH, KAMPUS SUNGAI PETANI

TAJUK PROJEK

FUNGSI ALAT OKU PENGLIHATAN LOW VISION
TERHAD

FASILITATOR

NOOR AZLINA BINTI HAMZAH


KATEGORI

INOVASI SOSIAL (KATEGORI PENAMBAHBAIKAN)

AHLI KUMPULAN

1. HASRIZAL BIN MD HASAN (KETUA)
2. OMAR BIN ZAINOL
3. MAT ASRI BIN BAHAROM
4. SHAZMIE HUZNI BIN MOHD SIDIK
5. MOHD AMIN BIN ZAINOL
6. HAMIDAH BINTI MOHD

MAKLUMAT KUMPULAN



KREATIF, INOVATIF & KERJASAMA MENUJU KECAMERLANGAN

KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	UiTM CAWANGAN KEDAH
TAJUK PROJEK	ONE WAY INTELIGENT TRAP (OWIT)
FASILITATOR	MOHAMAD BIN ABDULLAH
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)

AHLI KUMPULAN

1. MOHAMAD HAFIS BIN RAMLI (KETUA)
2. MOHD ZALANI BIN NOH
3. KHOIROL ANWAR BIN ABD RAHIM
4. SAZARI BIN ABD RAHIM
5. MOHAMAD ZAID IMRAN BIN MAHAMUD
6. MOHD AZMUDDIN BIN AB GHAZI
7. HAFIZUDDIN HAQIM BIN ROSLAN



RINGKASAN PROJEK

One Way Intelligent Trap (OWIT) dibangunkan bagi menyelesaikan masalah pencemaran najis burung merpati di bangunan kolej kediaman pelajar UiTM Cawangan Kedah. Kegunaannya adalah untuk memerangkap burung merpati yang berkeliraran di bangunan kolej kediaman pelajar. Dengan kaedah penangkapan dan pelupusan yang dilakukan, populasi burung merpati di kolej kediaman dapat dikurangkan dan seterusnya dapat menyelesaikan masalah pencemaran najis burung merpati.

Setelah OWIT direkabentuk dan digunakan, ianya terbukti mampu mengurangkan jumlah populasi burung merpati di kolej kediaman pelajar. Justeru itu, pengawalan populasi burung secara berkesan tanpa memerlukan penggunaan bahan kimia atau kaedah yang merbahaya boleh dilakukan dengan menggunakan OWIT. Risiko penyebaran penyakit yang dibawa oleh najis burung merpati seperti histoplasmosis, cryptococcosis dan psittacosis juga dapat dikurangkan. Kedua, jumlah najis yang boleh menyebabkan permukaan licin, kerosakan struktur dan masalah kesihatan pernafasan berkurangan. Ketiga, OWIT dapat mengurangkan kerosakan bangunan dan infrastruktur lain yang disebabkan oleh najis burung yang bersifat menghakis. Keempat, dapat mengurangkan kos penyelenggaraan untuk membersihkan kotoran burung serta dapat mengurangkan kos pembaikan.

MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	UiTM CAWANGAN PERAK, KAMPUS SERI ISKANDAR
TAJUK PROJEK	SISTEM PENGAGIHAN KAD MYISWA
FASILITATOR	MOHD FARID ASSAMANI MOHAMED ZAINON
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENCIPTAAN)
AHLI KUMPULAN	1. JAMILAH MD ZAIN (KETUA) 2. FIRZARAWAHIDA ABDUL RAZAK 3. RASHIDAH YAH 4. MOHAMMAD HARRIS MOHD YAZI 5. MUHAMMAD NURDIN NASARUDIN



RINGKASAN PROJEK

MYCARDS adalah sistem yang dibangunkan di UiTM Cawangan Perak untuk mempercepat pengagihan Kad MySiswa (Kad Pelajar) yang juga berfungsi sebagai Kad Bank RHB bagi menyokong program tanpa tunai. Sistem ini mengatasi masalah jadual serahan yang tidak berkesan, meningkatkan peratusan pelajar menerima kad dari 20% ke 85.4%, dan kepuasan pelanggan dari 75.25% ke 85.37%. MYCARDS diakui efektif dan berpotensi untuk digunakan di seluruh UiTM.



MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	FAKULTI FARMASI
TAJUK PROJEK	SOLUSI PENDEDAHAN BAGI PROFESION FARMASI "PHARMPATHFINDER"
FASILITATOR	NUR FATHIAH MOHD RADZI
KATEGORI	INOVASI P & P (KATEGORI PENCIPTAAN)
AHLI KUMPULAN	- DR. NUR WAHIDA ZULKIFLI (KETUA) - PM. DR. MOHD SHAHEZWAN ABD WAHAB - DR. JANATTUL AIN JAMAL - NIK AISYAH NAJWA NIK MUSTAFFA SHAPRI - NURULFALAHIN DAUD@IBRAHIM - NOR ELYZATUL AKMA HAMDAN - NURUL IZZATI ISMAIL - NUR AMMELIA HAZANI MOHD ZIN



RINGKASAN PROJEK

Pengenalan: ELEVATE ialah kumpulan inovatif dan kreatif (KIK) di Fakulti Farmasi, ditubuhkan pada 13 Mac 2024 dan terdiri daripada 8 ahli, dengan fokus kepada peningkatan pembelajaran dalam pendidikan farmasi. Projek ini bermula daripada aduan pelajar tahun 3 farmasi mengenai kurangnya pendedahan terhadap profesion farmasi, yang dilaporkan kepada Timbalan Dekan Akademik pada 22 Mac 2024 dan dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan pada 1 April 2024.

Signifikan Kajian: Pelajar farmasi perlu memilih satu daripada empat bidang (hospital, komuniti, industri farmaseutikal, dan akademik) untuk latihan wajib bagi mendapatkan lesen sebagai farmasi pengamal. Pengetahuan dan kesiapsediaan dalam memilih bidang yang sesuai adalah kritikal.

Metod: Menggunakan kitaran Plan, Do, Check & Action (PDCA), ELEVATE membangunkan platform pembelajaran sendiri mengenai profesion farmasi untuk membantu pelajar memahami setiap bidang.

Sasaran Projek: 90% pelajar faham mengenai profesion farmasi, 90% pelajar Fakulti Farmasi menggunakan platform tersebut dalam masa 3 bulan dengan penjimatan kos, masa, dan tenaga buruh sebanyak 50%.

Solusi dan impak: PharmPathFinder, platform maya untuk rujukan empat bidang profesion farmasi, telah diuji dan menunjukkan 80% kepuasan pelajar. Projek ini juga menerima geran RM30,000 daripada Jordan Matching Grant untuk replikasi di Jordan pada 2024-2025. Impak dari PharmPathFinder ini telah digunakan kepada pelajar sekolah menengah untuk mengetengahkan profesion farmasi kepada golongan pelajar sekolah.



MAKLUMAT KUMPULAN



KAMPUS/FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	PEJABAT PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR
TAJUK PROJEK	MENGATASI MASALAH PENGURUSAN PELARASAN TALIAN SAMBUNGAN YANG MENGAMBIL MASA LAMA
FASILITATOR	SHARINA BINTI MOHD NASIR
KATEGORI	INOVASI PENGURUSAN (KATEGORI PENAMBAHBAIKAN)
AHLI KUMPULAN	1. MOHAMAD ASRI BIN MAD ISA (KETUA) 2. AHMED ZACKRY BIN ZAMANI (AHLI) 3. SAHIDAN BIN ABD ZAMAN (AHLI) 4. TC. ABDUL SHUKUR BIN ISMAIL (AHLI) 5. TC. MOHAMMAD FAISAL BIN ZOLKAFLI 6. NURHAYATI BINTI MD. SALEH



RINGKASAN PROJEK

Berdasarkan rekod yang disimpan, jumlah kapasiti keseluruhan talian sambungan di UiTM Shah Alam adalah berjumlah 6,400 talian dan hasil auditan yang telah dilaksanakan hanya sebanyak 3,026 talian sambungan sahaja yang masih diperlukan oleh staf di UiTM Shah Alam. Pejabat Pembangunan Infrastruktur telah mengambil inisiatif untuk memastikan tiada pembaziran terjadi pada pengurusan perkhidmatan telekomunikasi universiti dan perkhidmatan yang lebih cekap dapat disediakan kepada pemegang taruh. Cadangan penambahbaikan telah dibawa ke pengurusan universiti dan Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 2/2024 bertarikh 24 Januari 2024. MEU telah bersetuju untuk mengekalkan sebanyak 3,800 talian sambungan sedia ada sahaja pada fasa pertama. Manakala 2,600 talian sambungan perlu ditamatkan secara kekal di Telekom Malaysia dengan segera untuk mengurangkan kadar sewaan semasa yang perlu dibayar oleh universiti. Satu projek KIK oleh Kumpulan TelStar telah dibangunkan untuk mewujudkan inovasi pengurusan di dalam kategori inovasi penambahbaikan. Sistem MyUiTMPhone sedia ada yang sedang digunapakai telah dibuat penambahbaikan oleh Kumpulan TelSTAR. Proses pelarasan talian yang melibatkan menyusun semula, menggantikan dan menamatkan talian sambungan telefon yang mengambil masa selama 37 minit telah berjaya dikurangkan. Projek KIK oleh TelSTAR ini menghasilkan *outcome* yang bernilai tinggi kepada UiTM. Penambahbaikan kepada Sistem MyUiTMPhone menjadikan proses ini dapat menjimatkan masa pelaksanaan aktiviti menyusun, menggantikan dan menamatkan talian sambungan sehingga 33 minit. Selain daripada itu penjimatan yang sangat besar dapat dinikmati iaitu sebanyak RM158,544.00 setahun bagi pengurangan sewaan talian Telekom Malaysia serta RM 650,000.00 bagi anggaran alat ganti bagi kerja-kerja penyelenggaraan. Penjimatan untuk penambahbaikan Sistem MyUiTMPhone sebanyak RM50,530.00 telah dicapai dengan menggunakan kepakaran dalaman UiTM. Projek KIK ini boleh dicapai di <https://fms.uitm.edu.my> pada Sistem MyUiTMPhone, di modul Pengurusan Talian. Projek ini kelak boleh diadaptasikan di mana-mana kampus cawangan yang bakal/perlu menjalankan aktiviti penjimatan kos Sistem Telekomunikasi. Pojek ini telah didaftarkan sebagai harta intelek di Perbadanan Harta Intelektual Malaysia (Intellectual Property Corporation Of Malaysia (MyIPO)) pada 1 Ogos 2024.



JAWATANKUASA KONVENSYEN KIK PERINGKAT UiTM 2024



JAWATANKUASA KONVENSYEN KIK PERINGKAT UiTM 2024



Pengerusi

Dr. Afida Ahmad

Timbalan Pengerusi

Pn. Samsiah Bidin
 Pn. Shahida Farhan Zakaria
 Pn. Siti Khairul Niza Sukri
 En. Mohamad Hafis Ramli

Setiausaha

Cik Nooraini Khasni
 Pn. Yusni Md. Yusof

Bendahari

Pn. Noor Shahida Baharudin

Pengurusan Acara

Pn. Etty Harniza Harun
 Pn. Nurliyana Abas

Jemputan Khas/Protokol/Media

Pn. Sharina Saad
 Pn. Nor Aishah Kamal
 En. Muhammad Akhmal Hadi Abd Manaf

Logistik & Pengangkutan

Cik Syarifah Nurfuadur Zakiah/Habib Dzul Karnain
 Pn. Yusliza Abdul Halim
 Pn. Zarina Saad

Tempat & Peralatan

En. Khoirol Anwar Abd Rahim
 En. Azizul Azemi
 En. Mohd Azrul Ahmad
 En. Mohd Tarmizi Abu Hassan
 En. Sazari Abd Rahim
 En. Mohd Zamri Mohd Isa
 En. Shahimi Khalid

Teknikal & Peralatan

Cik Nurul A'in Mohamed
 En. Zulkipli Md Rodzi
 En. Muhd Hazwan Hamdi Halim
 En. Khairul Anuar Abdul Hamid
 En. Rohaizhasrul Ramli
 En. Ahmad Mawardy Abdul Jalil

Pendaftaran/Jemputan/ Penyambut Tetamu

Pn. Irsalina Ismail
 En. Mohd Muzzamil Md Sapar
 En. Mohammad Fikri Abdullah
 En. Mohd Faizal Md. Aznan
 Pn. Hazila Remli
 Pn. Siti Rohaya Othman
 Pn. Siti Noor Hanis Jamil

Hadiah/Cenderahati/Sijil

Pn. Azizah Khasim
 En. Mohd Amiruddin Mohd Nasir
 En. Zakaria Muhammad
 Pn. Rozaini Yahaya
 En. Rostam Mohamad @ Ahmad
 Pn. Atirah Ruslan

Dokumentasi & Penjurian

Dr. Mohd Faizal Jamaludin
 Pn. Nur Zharifah Che Adenan
 Dr. Jaya Kumar A/L Shanmugam
 Ts. Mohd Hilal Muhammad

Multimedia/Grafik/Reka Bentuk

Cik Syahrini Shawalludin
 En. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin
 Cik Dinah Rakhim

Hiasan Pentas/Gimik Perasmian

En. Mohd Rozman Mohd Nasir
 En. Mohd Taufik Zulkefli
 Pn. Siti Samila Binti Sahabudin

Promosi & Publisiti

Pn. Khairul Wanis Ahmad
 En. Muhd Hazwan Hamdi Halim

Penajaan

Pn. Aida Mustafa
 Pn. Noor Azlina Mat Esoff

Makanan

Pn. Rosliza Ismail
 Pn. Lailie Elinna Che Omar
 Pn. Shakiroh Saidin
 Pn. Umi Kalsom Othman
 Pn. Nor Fahida Ismail
 En. Muhammad Hafizi Md Salleh
 En. Aziz Abdullah

Pengacara Majlis

Pn. Norafiza Mohd Hardi
 En. Mohd Abdul Hafiz Md. Radzi

Pembaca Doa

Ustaz Mhd Khir Mhd Rejab

Jawatankuasa Persembahan

Pn. Tengku Noorasyikin Raja Yai

Keselamatan & Lalu Lintas

En. Adly Albakhri Ismail

MAKLUMAT KONVENSYEN KIK PERINGKAT UiTM 2024





MASA		9 NOVEMBER 2024 (SABTU)
4,30 petang – 6.00 petang		Raptai kumpulan
MASA		10 NOVEMBER 2024 (AHAD)
8.00 pagi – 9.00 pagi		Pendaftaran peserta
9.00 pagi – 9.30 pagi		Majlis Pembukaan - Nyanyian Lagu Negaraku dan Wawasan Setia Warga UiTM - Bacaan doa - Ucapan aluan oleh Ketua Unit Kualiti - Ucapan perasmian oleh Rektor, UiTM Cawangan Kedah Persembahan montaj Pembukaan
9.30 pagi – 10.00 pagi		Taklimat pertandingan oleh ketua juri
10.00 pagi – 12.30 tengah hari		Persembahan kumpulan 1 – 4
12.30 tengah hari – 2.00 petang		Rehat/ Makan tengah hari
2.00 petang – 5.30 petang		Persembahan kumpulan 5 – 9
5.30 petang		Bersurai / Minum petang



MASA	11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)
8.00 pagi – 8.30 pagi	Pendaftaran peserta
8.30 pagi – 10.30 pagi	Persembahan kumpulan 10 – 12
10.30 pagi – 11.00 pagi	Rehat
11.00 pagi – 1.00 petang	Persembahan kumpulan 13 – 15
1.00 tengah hari – 2.00 petang	Rehat/ Makan tengah hari
2.00 petang – 5.30 petang	Persembahan kumpulan 16 – 20
5.30 petang – 6.30 petang	Perbincangan juri





MASA	12 NOVEMBER 2024 (SELASA)
8.00 pagi – 8.30 pagi	Pendaftaran peserta
8.30 pagi – 12.00 tengah hari	Majlis Perasmian Penutup - Nyanyian Lagu Negaraku dan Wawasan Setia Warga UiTM - Bacaan doa - Ucapan pembukaan oleh Rektor, UiTM Cawangan Kedah - Ulasan Ketua Juri - Ucapan perasmian penutup oleh Prof. Dr. Azizah Abdullah (PNC InQKA) Pengumuman Anugerah Konvensyen
12.00 tengah hari – 2.00 petang	Makan tengah hari Persembahan kebudayaan
2.00 petang	Bersurai

25
TAHUN
1999-2024
UITM SEBUAH UNIVERSITI



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

inovasi
KELESTARIAN KUALITI MELALUI
TRANSFORMASI INOVASI 2024